



یونیورسیتی کبڠساڠن ملیسیا

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

PERPUSTAKAAN TUN SERI LANANG, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

43600 BANGI, SELANGOR DARUL EHSAN

Tel : 03 8925 0199 / 8925 2833 Fax : 03 8925 6067 E-mel : [kpustaka@pkriscc.ukm.my](mailto:kpustaka@pkriscc.ukm.my)

Laman web : <http://www.library.ukm.my>

Pejabat Ketua Pustakawan

UKM 3.7/204/36

10 Julai 2000

Puan Carole Ann Goon  
Perpustakaan Negara Malaysia

**Encik Mustaffa Hj. Darimi**  
Perpustakaan Universiti Malaya

Puan Hajah Laila Hassan  
Perpustakaan Universiti Putra Malaysia

Puan Nor Ida Yang Rashdi  
Perpustakaan Universiti Sains Malaysia

Cik Kalsom Sharif  
Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa

Encik Md. Yazid Muji  
Perpustakaan Universiti Tenaga Nasional

Cik Masnah Haji Abdul Karim  
Perpustakaan Tun Abdul Razak  
Universiti Teknologi MARA

Cik Siti Khabshah Masrom  
Perpustakaan Universiti Multimedia Telekom

Encik Abu Hassan Ghazali  
Perpustakaan Universiti Utara Malaysia

Puan Junaidah Isnain  
Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia

Cik Anna Michael  
Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah

Puan Margaret Simeng  
Perpustakaan Universiti Malaysia Sarawak

Puan Maimunah Kadir  
Perpustakaan Hospital UKM

Encik Tusiman Mingun  
Perpustakaan Tun Seri Lanang, UKM

Puan Hafsa Mohd  
Perpustakaan Tun Seri Lanang, UKM

Tuan/Puan,

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KECIL PANGKALAN DATA KOMERSIL  
BIL. 3/2000**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara seperti di atas dan bersama-sama ini disampaikan sesalinan minit mesyuarat tersebut untuk perhatian dan makluman tuan/puan.

Sekian dimaklumkan. Terima kasih.

**"Perpustakaan Penjana Generasi Bermaklumat"**

Yang benar,



**PUTRI SANIAH MEGAT ABD. RAHMAN**  
Pemangku Ketua Pustakawan/  
Pengerusi  
J/K Kecil Pangkalan Data Komersil

*Berlampir*

*PS/fmn*

**MINIT MESYUARAT**  
**JAWATANKUASA KECIL PANGKALAN DATA KOMERSIL**  
**BIL. 3/2000**

---

Tarikh : 5 Julai 2000 (Selasa)  
Masa : 9.30 pagi  
Tempat : Bilik Mesyuarat, Paras 5, Perpustakaan Tun Seri Lanang  
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi

*Yang Hadir*

Puan Putri Saniah Megat Abd. Rahman (UKM)	(Pengerusi)	psmar@pkrisc.cc.ukm.my
Puan Jamaliah Shahid (PNM)		
Encik Mustaffa Hj. Darimi (UM)		a4mustaf@umcsd.em.edu.my
Cik Siti Khabshah Masrom (MMU)		khabshah@mmu.edu.my
Cik Masnah Haji Abdul Karim (UiTM)		
Puan Hajah Laila Hassan (UPM)		lh@lib.upm.edu.my
Cik Kalsom Sharif (UIAM)		kalsom@iiu.edu.my
Puan Junaidah Isnain (UTM)		
Encik Md. Yazid Muji (UNITEN)		yazidm@uniten.edu.my
Puan Maimunah Kadir (HUKM)		mai@mail.hukm.ukm.my
Encik Tusiman Mingun (UKM)		tus@pkrisc.cc.ukm.my
Puan Hafsa Mohd (UKM)	(Setiausaha)	hafsa@m@pkrisc.cc.ukm.my

*Tidak Hadir Dengan Kenyataan*

Puan Nor Ida Yang Rashdi (USM)	noorida@usm.my
Encik Abu Hassan Ghazali (UUM)	
Cik Anna Michael (UMS)	
Puan Margaret Simeng (UNIMAS)	

## 1.0 PENDAHULUAN

- i. Puan Pengerusi mengucapkan salam kepada semua yang hadir.
- ii. Agenda utama mesyuarat ketiga Jawatankuasa Kecil Pangkalan Data Komersil (JKK PDK) ialah untuk membincangkan lebih lanjut isu konsortia

## 2.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT BIL. 2/2000


- i. Minit Mesyuarat Bil. 2/2000 telah disahkan tanpa sebarang pindaan.

## 3.0 LAPORAN JKK PDK DI MESYUARAT PERDANA

- i. Pengerusi memaklumkan bahawa pihak MDC telah bekerjasama dengan PNM untuk menjayakan MYLIB yang merupakan projek *pilot* bagi sistem PERDANA. MYLIB boleh diakses oleh semua institusi tetapi pangkalan data komersil yang dilanggan oleh MYLIB hanya boleh diakses oleh institusi-institusi yang menjadi ahli gunasama MYLIB.
- ii. Pengerusi akan memberikan senarai PDK mengikut perkara yang dilanggan oleh IPTA/IPTS kepada MDC supaya maklumat ini boleh dibuat 'hyperlink' dalam MYLIB.

## 4.0 MODEL KONSORTIA

- i. Mesyuarat bersetuju untuk mengkaji model konsortia yang terdapat di negara-negara lain seperti Thailand, U.K. Australia dan U.S.

 *Tindakan :*  
*Puan Putri Saniah Megat Abd. Rahman*  
*Puan Laila Hassan*  
*Puan Maimunah Kadir*  
*Cik Kalsom Sharif*

- ii. Berdasarkan kajian model konsortia tersebut, mesyuarat akan mengusulkan kertas cadangan kepada Kementerian Pendidikan supaya PDK tertentu dilanggan oleh Kementerian Pendidikan secara konsortia.

## 5.0 KOS LANGGANAN PDK : PEMBEKAL vs PENERBIT

- i. Mesyuarat akan membuat perbandingan kos langganan PDK melalui pembekal dan penerbit.
- ii. Pembekal (selain Access Dunia) yang akan dihubungi untuk mendapat kos langganan pangkalan data ialah : IPL, Ovid, First Agency, NISC, AIQ (Academic Information Quest), B & H dan SwetsNet.


 *Tindakan : Puan Hafsa Mohd*

- iii. Penerbit yang akan dihubungi untuk mendapatkan kos langganan pangkalan data seperti Elsevier Science, Academic Press dan Springer Verlag.

 *Tindakan : Semua AJK*

## 6.0 SENARAI PDK YANG AKAN TAMAT TEMPOH LANGGANAN

- i. Mesyuarat bersetuju untuk membincangkan kos langganan PDK yang akan tamat tempoh langganan.
- ii. Semua AJK diminta menyenaraikan PDK tersebut.

 *Tindakan : Semua AJK*

## 7.0 HAL-HAL LAIN

- i. Mesyuarat bersetuju untuk membincangkan butiran mengenai 'License Agreement' dengan Jawatankuasa Prasarana Perundangan yang dipengerusikan oleh Tuan Syed Salim. Sebagai permulaan 'license agreement' yang disediakan oleh Academic Press (IDEAL) akan dikaji dan salinannya akan dimajukan kepada Jawatankuasa tersebut.
- ii. Mesyuarat bersetuju untuk memasukkan e-mel wakil perpustakaan, jabatan kerajaan, korporat, perpustakaan khusus dan awam di Malaysia ke dalam 'listserve' JKK PDK (COMDAT).

 *Tindakan : Puan Hafsa Mohd*

- iii. Mesyuarat telah mencadangkan UM atau MMU sebagai pemegang koleksi arkib pangkalan data ACM Digital Library.

 *Tindakan : Encik Mustaffa Hj. Darimi  
& Cik Siti Khabshah Masrom*

- iv. Mesyuarat akan datang ialah pada **9 Ogos 2000 (Rabu)** jam **9.30 pagi** di Perpustakaan Tun Seri Lanang, UKM Bangi.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.30 pagi dengan ucapan terima kasih dari Pengerusi.